

28 MAR 1997

Mahkamah-Seragam

PENYUSUNAN SEMULA MAHKAMAH SYARIAH DUA BULAN LAGI

SIK, 28 Mac (Bernama) -- Proses penyusunan semula mahkamah syariah dan penyeragaman perkhidmatan pegawai hal ehwal agama Islam negeri, yang tertangguh sejak Januari lepas, dijangka dapat diselesaikan pertengahan tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman hari ini berkata kerajaan negeri sedang diberi penerangan berkaitan rancangan itu agar tidak timbul kekeliruan.

"Kerajaan negeri perlu membuat persediaan...kefahaman mengenainya mengambil masa tetapi saya jangka semuanya dapat diselesaikan dalam sebulan dua ini," katanya kepada pemberita selepas meninjau pembinaan masjid sumbangan Maju Holdings Sdn Bhd, di Kampung Kota Aur dekat sini.

Masjid konsep terbuka tanpa dinding yang pertama di dunia itu bernilai RM1.2 juta dan dapat menampung kira-kira 1,200 orang jemaah.

Terdahulu, Abdul Hamid merasmikan majlis Tentera Bersama Rakyat dan Projek Jiwa Murni anjuran Kor Perubatan Angkatan Tentera Malaysia di Belantik, di sini.

Abdul Hamid berkata rancangan penyusunan semula dan penyeragaman itu tertangguh kerana kerajaan-kerajaan negeri perlu mendapat persetujuan pelbagai peringkat di negeri masing-masing khususnya Exco kerajaan negeri.

Beliau menjelaskan bahawa rancangan itu tidak akan membabitkan perubahan besar dalam dasar ataupun perundangan syariah negeri.

"Undang-undang dan peraturan tetap mengikut undang-undang syariah negeri...baik dalam peraturan mahkamah syariah, pentadbiran mahupun hukum syarak. Malahan kuasa Sultan (sebagai Ketua Agama Islam Negeri) tidak berubah," katanya.

Katanya rancangan itu akan mewujudkan kerjasama antara kerajaan negeri dan kerajaan pusat dalam penyeliaan mahkamah syariah dan kakitangannya.

"Pusat akan menyelia perjawatan pegawai...kenaikan pangkat, gaji dan sebagainya kita uruskan," katanya.

Julai lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan pentadbiran mahkamah syariah di seluruh negara akan disusun semula manakala perkhidmatan pegawai Hal Ehwal Agama Islam diseragamkan.

Berikutan itu, Jabatan Kehakiman Syariah akan ditubuhkan dengan diketuai seorang Ketua Hakim Syarie Malaysia yang diletakkan di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri.

Penyusunan semula itu membolehkan hakim syariah mempunyai taraf yang sama dengan hakim mahkamah sivil.

Berikutan lawatannya ke masjid di Kampung Kota Aur itu, Abdul Hamid berkata Pusat Islam akan mencadangkan supaya masjid-masjid yang bakal dibina di seluruh negara mencontohi konsep masjid terbuka itu.

"Kaedah pembinaan dan bahan yang digunakan mempercepatkan kerja membina masjid dan kosnya pula rendah...konsep terbuka yang digunakan adalah baik dan sesuai dengan konsep Islam," katanya.

Beliau berkata kaedah itu mungkin boleh digunakan untuk pembinaan masjid baru bagi menggantikan kira-kira 2,500 buah masjid lama dan telah uzur keadaannya di seluruh negara. -- BERNAMA

MFJ NMO